



CATATAN SEJARAH: Abdullah bersama penulis buku Abdul Mutalib (kanan) dan Mohamed Iqbal (kiri) pada majlis pelancaran buku itu di Muzium Kesenian Islam, Selasa lalu.

BH - 16052006

UEM taja terbit buku zaman darurat

KUALA LUMPUR: UEM Group bangga dapat membantu kerajaan menyemarakkan semangat patriotisme menerusi penajaan buku bergambar *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History* karya Lt Kol (B) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Eksekutif UEM Group, Datuk Ahmad Pardas Senin, berkata sejajar memenuhi tanggungjawab korporatnya, UEM Group menaja RM200,000 bagi menerbitkan buku setebal 385 halaman itu.

"Kami yakin selain meningkatkan rasa bangga dan semangat patriotisme di kalangan masyarakat, buku bergambar ini juga akan dihargai generasi muda, sekali gus memahami penderitaan dan usaha yang terpaksa dilalui mereka dalam mencapai kejayaan ketika itu.

"UEM Group juga percaya inisiatif ini akan melengkapi generasi muda hari ini dengan pemahaman yang baik dan relevan terhadap pengorbanan mereka yang terbabit dalam mencapai kejayaan dan kemerdekaan negara," katanya pada majlis pelancaran buku itu, di sini, baru-baru ini.

Buku berkenaan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 9 Mei lalu, di Muzium Kesenian Islam.

Turut hadir, Pengerusi AMR Holdings, Datuk Abdul Mutalib Razak dan Pengerusi Yayasan Pelajaran Islam, Datuk Mohamed Iqbal.

Buku itu menceritakan kisah perit maung sepanjang darurat yang pernah dilalui negara dari 1948 hingga 1960 menerusi 1,050 gambar dengan sesetengah daripadanya tidak pernah disiarkan.

Abdullah dalam ucapannya pada majlis itu berkata, tiga pengajaran penting boleh didapati menerusi buku itu iaitu pertama, keperluan menghargai keamanan dan kestabilan yang dinikmati masa kini dan keduanya keganasan dan penganasan tidak dimiliki sebarang kumpulan etnik, agama atau negara.

Pengajaran ketiga pula ialah keganasan tidak boleh ditumpas oleh kuasa ketenteraan dan kaedah paksaan semata-mata.

Ahmad Pardas berkata, langkah menaja buku itu juga mempamerkan tanggungjawab syarikat mempertingkatkan integriti negara.

Beliau berkata, langkah syarikat menjadi penaja rasmi karya berkeajaan sejajar menyokong usaha kerajaan mengekal dan melindungi warisan negara.